

**SYEIKH ‘ABD AL-MU’TI BIN SYEIKH MUHAMMAD SALEH  
PENGARANG KITAB TAJWID PERTAMA DI ALAM MELAYU**

Shaharuddin Saad<sup>1</sup>, Zainora Daud<sup>2</sup>

[shaharuddin@kuis.edu.my](mailto:shaharuddin@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [zainora@kuis.edu.my](mailto:zainora@kuis.edu.my)<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Al-Faqir al-Muhtaj ila Allah al-Majid Ibn Syeikh ‘Abd al-Mu’ti bin Syeikh Muhammad Saleh merupakan pengasas terhadap pengkryaan kitab Tajwid Lama serta seorang tokoh Ilmu Tajwid yang amat penting di dalam sejarah perkembangan dan penulisan Ilmu Tajwid khususnya di Alam Melayu. Ketokohnya dan kehebatannya amat jelas apabila kita mengkaji kitab-kitab Tajwid Lama di Alam Melayu khususnya di Malaysia dan Patani. Hasil dapatan dari kajian oleh tokoh-tokoh pengkaji seperti Al-Marhum Hj Wan Saghir mendapati dan mengakui bahawa pengkaryaan kitab Tajwid di kalangan ulama-ulama Melayu sudah bermula semenjak tahun 1780 an lagi apabila kajian mendapati dan menemui kitab Tajwid yang pertama di Alam Melayu telah dikarang oleh Syeikh ‘Abdul Mu’ti berjudul *Mir’at al-Qur’an* pada tahun 1779 lagi. Persoalan yang timbul di dalam masyarakat kita khususnya di Malaysia hari ini ialah, sejauhmanakah masyarakat mengenali dan mengetahui tentang munculnya ulama-ulama Melayu serta terhasilnya kitab Tajwid pertama di Alam Melayu seawal kurun ke 18. Bertitik tolak dari persoalan inilah penulis akan menggetengahkan kajian ini demi memberi maklumat kepada masyarakat Malaysia khususnya berkaitan perkembangan penulisan kitab-kitab Tajwid lama dan ulama-ulama sebelum ini. Metodologi yang akan digunakan oleh penulis ialah metode pensejarahan dan metode dokumentasi. Semoga

dengan terhasilnya kajian ini akan menjelaskan dan memperkenalkan kepada masyarakat berkaitan perkembangan dan metodologi penulisan kitab Tajwid terawal di Alam Melayu selain memperkenalkan juga seorang tokoh ulama Melayu di dalam bidang ini iaitu Syeikh ‘Abdul Mu’ti. Semoga dengan kajian dan pembentangan ini dapat membantu menjelaskan kepada masyarakat tentang tokoh ini serta kitab karagannya iaitu *Mir’at al-Qur’an fi Tahsil Ma’rifah Ahkam al-Tajwid li al-Malik al-Wahhab*.

**Kata Kunci:** Syeikh Abd al-Mu’ti bin Syeikh Muhammad Saleh, kitab, Tajwid.

## 1.0 PENGENALAN

### **Biodata Syeikh ‘Abd Al-Mu’ti Bin Syeikh Muhammad Saleh**

Nama penuhnya ialah Al-Faqir al-Muhtaj ila Allah al-Majid Ibn Syeikh ‘Abdul Mu’ti bin Syeikh Muhammad Saleh<sup>1</sup>. Beliau merupakan penyusun kitab Ilmu Tajwid pertama di dalam Bahasa Melayu<sup>2</sup>.

Mengenai riwayat hidupnya, samada tarikh kelahirannya atau tarikh kematiannya atau salasilah keturunannya tidak didapati oleh penulis secara tepat. Ulama ini tidak menjelaskan dari mana beliau berasal. Kebiasaannya, penulis-penulis kitab yang sezaman dengannya akan menyebut nama negeri di hujung namanya seperti al-Asyi’, al-Fatani, al-Falimbani, al-Banjari, al-Sumbawi dan lain-lain. Untuk menentukan dari mana beliau berasal mengikut andaian semata-mata adalah tidak memenuhi kriteria sejarah. Berdasarkan satu salinan dari karya ulama tersebut, terdapat pada nama beliau Muhammad Saleh bin Ibn Mu’ti bin Syeikh Muhammad Saleh al-Kelantani. Berdasarkan kepada hujung namanya tertulis al-Kelantani, maka penulis beranggapan kemungkinan ulama ini berasal dari Kelantan<sup>3</sup>.

Mengenai namanya juga tidak cukup jelas. Apakah “ibnu” itu namanya yang sebenar atau adakah pernyataan bahawa dia adalah anak (terjemahan dari ibnu) kepada Syeikh ‘Abdul Mu’ti. Semua salinan karyanya menggunakan nama Ibn Syeikh ‘Abdul Mu’ti bin Syeikh Muhammad Saleh<sup>4</sup>.

---

<sup>1</sup>Hj Wan Muhammad Saghir bin Abdullah, Pengenalan Ulama’ Asia Tenggara Dahulu Dan Sekarang, Kertas Kerja Seminar Ulama’ Wilayah Persekutuan (1996), hlm 15. Nama ini adalah dirujuk oleh penulis daripada beberapa salinan kitab Mir’atul al-Quran.

<sup>2</sup> Lihat Utusan Malaysia, al-Marhum Haji Wan Muhammad Sagir Abdullah, Isnin 30 April 2007, hlm 18, lihat Kertas Kerja Ulama Malaysia Dan Nusantara Dalam Pengajian Al-Quran, al-Marhum Haji Wan Muhammad Sagir Abdullah, Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu, tarikh 26-28 November 2004, hlm 10 dan lihat Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara, Konvensyen Ulama Nusantara, al-Marhum Haji Wan Muhammad Sagir Abdullah, Dewan Besar Menara Zakat, Alor Setar, Kedah, tarikh 10 November 2001, hlm 20.

<sup>3</sup> Ibid, Utusan Malaysia, Isnin 30 April 2007, juga lihat Haji Wan Muhammad Sagir Abdullah, Pengenalan Ulama Asia Tenggara Dahulu Dan Sekarang dan lihat Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Samsudin Sidek, Menulis Semula Dan Tahqiq Manuskrip Mirat Al-Quran Fi Tahsili Ma’rifati Ahkam Al-Tajwid Li Malik Al-Wahhab (200), hlm 2.

<sup>4</sup> *Ibid.*

## Pendidikannya

Mengenai guru-guru dan anak muridnya, berdasarkan kepada kajian penulis pada tarikh yang tercatat pada kitab *Mir'at al-Qur'an* yang ditulis pada tahun 1193 Hijrah bersamaan 1779 Masihi, ulama ini adalah sezaman dengan ulama-ulama yang terkenal seperti Syeikh Abdul Samad al-Falimbani<sup>5</sup>, Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari<sup>6</sup> dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani<sup>7</sup>. Sekiranya beliau belajar dalam tahun-tahun yang sama dengan ketiga-tiga orang ulama tersebut yang berasal dari tanah Jawi atau Dunia Melayu, maka dapatlah dipastikan dengan siapa beliau berguru. Namun tidak terdapat maklumat dalam karyanya kepada siapa beliau belajar. Berdasarkan kepada kajian penulis, dalam sejarah perkembangan Islam di Asia Tenggara sangat mudah untuk kita menentukan ulama-ulama yang pakar dalam berbagai disiplin ilmu seperti Tasawuf, Usuluddin, Fekah, Hadis, Tafsir dan lain-lain. Akan tetapi, dalam bidang Ilmu Tajwid belum lagi penulis menemui ulama-ulama terawal yang pakar dalam bidang Ilmu Tajwid pada abad 16 hingga ke 17.

Walaupun demikian, dalam satu salinan yang tersimpan di Muzium Kesenian Islam terdapat perkataan “ dan daripada Tajwid yang telah dijawabkan oleh Syeikh kita Abdul Rauf Acheh”, berdasarkan kepada perkataan ini dapat penulis simpulkan bahawa salah seorang guru Syeikh Abdul Mu'ti ini ialah Syeikh Abd Rauf bin Ali al-Jawi al-Fansuri al-Sinkeli<sup>8</sup>.

Satu Salinan yang disalin oleh Tuan Guru Haji Mahmud bin Muhammad Yusof Terengganu, yang menurut keterangan ulama' yang berasal dari Kemaman Terengganu adalah beliau “menyalin dari naskah asalnya”. Salinan itu diselesaikan pada tahun 1848 Masihi bersamaan tahun 1265 Hijrah<sup>9</sup>. Berdasarkan kepada kenyataan ini bererti Tuan Guru Haji Mahmud bin Muhammad Yusof sempat bertemu dengan Ibnu Abdul Mu'ti, di mana tempat beliau bertemu

---

<sup>5</sup> Beliau menyelesaikan penulisan kitabnya *Hidayah al-Salikin* pada tahun 1192 Hijrah bersamaan 1778 Masihi.

<sup>6</sup> Beliau menyelesaikan penulisan kitabnya *Lughah al-'Ajlal* pada tahun 1192 Hijrah bersamaan 1778 Masihi.

<sup>7</sup> Beliau menyelesaikan penulisan kitabnya *Syarah Hikam* pada tahun 1193 Hijrah bersamaan 1779 Masihi.

<sup>8</sup> Beliau ialah seorang ulama yang hebat dan terkenal di Acheh di awal abad ke 17. Dilahirkan di Sinkel Sumatera pada tahun 1620 dan meninggal pada tahun 1693. Lihat Abu Bakar Hamid, *Diskusi Sastera*, Kuala Lumpur, 1976, hlm 127.

<sup>9</sup> Beliau memulakan salinan pada tahun 1819 masihi dan salinan ini ada pada koleksi al-Marhun Tuan Haji Wan Saghir.

tidak dapat dipastikan, kemungkinan disalah satu tempat yang pernah didiami oleh Tuan Guru Haji Mahmud<sup>10</sup>.

## 2.0 PENGENALAN KITAB *MIR'AT AL-QUR'AN*

Penulis menemui manuskrip kitab ini terlalu banyak, ianya samada yang terdapat di Jabatan Manuskrip Perpustakaan Negara, Muzium Kesenian Islam dan juga melalui Ustaz Syamsudin Sidek<sup>11</sup>. Penulis hanya mempunyai maklumat berkaitan manuskrip kitab-kitab ini yang terdapat di Muziam Kesenian Islam dan melalui Ustaz Syamsudin sidek. Di antara manuskrip-manuskrip yang didapati ialah:

- i) *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 87, mempunyai 74 halaman, manuskrip ini baik dan lengkap.
- ii) *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 628, mempunyai 94 halaman dan manuskrip yang lengkap.
- iii) *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, nombor kod rujukan ialah 91, tanpa tarikh, hanya mempunyai 20 halaman dan manuskrip ini tidak lengkap. Manuskrip ini juga didapati bercampur dengan bidang Tasawwuf karya Syeikh Daud Fatani.
- iv) *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 602, mempunyai 16 halaman sahaja dan manuskrip ini tidak lengkap.
- v) Manuskrip ini tidak ada tajuk, bertarikh tahun 1778, nombor rujukan 482, mempunyai 11 halaman sahaja dan ia merupakan manuskrip yang tidak lengkap.

---

<sup>10</sup> Negeri yang pernah didiami ialah Kemaman Terengganu, Bukit Bayis Terengganu, Kampung Fusain Jala dan Mekah (lihat al-Marhum Hj Wan Saghir, naskah yang sama). Walaupun jarak ketika kitab *Mir'at al-Qur'an* ditulis pada tahun 1779 agak jauh dengan Salinan Haji Mahmud Terengganu yang selesai pada tahun 1848 kira-kira 72 tahun, namun masih ada kemungkinan kedua-dua ulama' ini sempat berjumpa, ini kerana sewaktu di Mekah, Haji Mahmud sempat belajar dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. dan Syeikh Abdul Mu'ti sezaman dengan Syeikh Daud.

<sup>11</sup> Beliau ialah pentahqiq kitab ini di dalam pengajian peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk Menulis Semula Dan Tahqiq Manuskrip Mirat Al-Quran Fi Tashili Ma'rifati Ahkam At-Tajwid Li Malik Al-Wahhab, Karya Ibn Abdul Mokti Ibn Syeikh Muhammad Saleh, (200).

Inilah sahaja manuskrip-manuskrip mengenai kitab ini yang didapati oleh penulis di Muzium Kesenian Islam. Banyak lagi manuskrip-manuskrip yang dijumpai oleh pengkaji sebelum ini, khususnya oleh Ustaz Syamsudin Sidek. Penulis mendapati Ustaz Syamsudin Sidek mempunyai sembilan manuskrip yang berbeza samada dari Muzium Kesenian Islam dan Jabatan Manuskrip Perpustakaan Negara. Berdasarkan kajian penulis, kitab ini merupakan kitab tajwid tertua di Alam Melayu khususnya Nusantara dan belum pernah dicetak dan diterbitkan untuk bacaan umum.

Kitab ini selesai ditulis oleh Syeikh Abdul Mukti pada tahun 1779, sebagaimana ditegaskan dengan katanya:

فلما كان هجوة النبي على صاحبها أفضل الصلاة والسلام مائة وثلاث وتسعون بعد الألف

Akan tetapi Syeikh Abdul Mukti tidak menjelaskan tempat di mana beliau menyelesaikan penulisan kitab ini. Kitab ini merupakan kitab Tajwid Bahasa Melayu Lama yang diterjemhkan daripada beberapa petikan daripada beberapa buah kitab asalnya yang berbahasa Arab. Antaranya ialah:

- i) *Tuhfah Al-Talibin fi al-Tajwid Kitab Rab Al-‘Alamin* karya Syeikh Mansur Ibn ‘Isa Ibn Ghazi al-Ansari al-Misri.
- ii) *Ahwas al-Mufahhamah fi Syarh al-Muqaddimah fi ‘Ilm al-Tajwid* atau dikenali dengan *Syarh al-Muqaddimah* karya Syeikh al-Islam Zakariyya al-Ansari.
- iii) *Daqaiq al-Muhkamah* syarah kepada kitab al-Muqaddimah karya Syekh al-Islam.
- iv) *Kanz al-Ma’ani Min Syarh Hirz al-Amani*.
- v) *Husn al-Qurra’*.
- vi) *Turjuman al-Mustafid* karya Syeikh Abdul Rauf Al-Fansuri<sup>12</sup>.

Semua kitab-kitab rujukan ini disebut oleh Syeikh Abdul Mu’ti dengan kata beliau “aku puhonkan kepada Allah swt barang beroleh manfaat kiranya kitab ini seperti yang telah beroleh manfaat dengan segala pohon kitab ini”<sup>13</sup>.

---

<sup>12</sup> Tahun 1615-1693.

<sup>13</sup> Rujuk kitab ini dalam bab membicarakan wajah-wajah bacaan imam-imam Qiraat yang terkenal halaman 53.

Berkaitan dengan isi kandungan kitab ini, penulis berpendapat isi kandungannya adalah lengkap, khususnya perbahasan berkaitan dengan bidang Tajwid. Selain daripada perbahasan berkenaan dengan Ilmu Tajwid, ia juga turut memuatkan perbahasan secara terperinci berkaitan dengan Ilmu Rasm al-Quran di samping menyentuh sedikit khilaf-khilaf berkaitan dengan Ilmu Qiraat. Di akhir kitab ini juga pengarang ada menyentuh sedikit perbahasan mengenai Ulum Quran. Di antara isi kandungan kitab ini secara ringkas ialah:

Jadual 1: Isi Kandungan Kitab

Bil	Tajuk
1	Muqaddimah
2	Bab Al-Isti'azah
3	Bab Al-Basmalah
4	Bab Lam Al-Ta'rif
5	Bab Ahkam Al-Nun Al-Sakinah Wa Al-Tanwin
6	Bab Al-Mad Wa Al-Qasr
7	Bab Makharij Al-Huruf Wa Sifatuha
8	Bab Al-Qaqf
9	Bab Hamz Al-Wasl
10	Adab Mengaji Al-Quran
11	Bab Takbir Ketika Khatam Al-Quran
12	Khatimah

### 3.0 KESIMPULAN

Oleh kerana Al-Faqir al-Muhtaj ila Allah al-Majid Ibn Syeikh 'Abdul Mu'ti bin Syeikh Muhammad Saleh merupakan ulam Tajwid yang hebat, maka penulis merasakan perlunya ada lagi pengkaji-pengkaji yang akan meneruskan kajian ini. Begitu juga dengan kitab ini, ia merupakan kitab Tajwid yang lengkap dan yang tertua di Alam Melayu serta belum pernah dicetak dan diterbitkan, maka penulis merasakan perlunya ada pentahqiq untuk mentahqiq dan merumikan kitab ini untuk dijadikan sebagai bacaan serta rujukan di dalam masyarakat.

## RUJUKAN BAHASA ARAB

Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *Asyhar al-Mustalahat fi Fann al-Ada’ wa ‘Ilm al-Qiraat*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al- (1981), *Sayr A’lam al-Nubala’*, Beirut, Muassasah al-Risalah.

Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al- (1997), *Ma’rifah al-Qurra’ al-Kubar*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

## RUJUKAN BAHASA MELAYU

Abdullah al-Qari Haji Saleh (2002), *Kursus Qari dan Qariah*, C.26, Kelantan, Pustaka Aman Press Sdn Bhd.

‘Abd al-Mu’ti al-Syeikh Muhammad Saleh (1779), *Mir’ah al-Qur’an Fi Tahsil Ma’rifah Ahkam al-Tajwid Li al-Malik al-Wahhab*.

‘Abd al-Kadir ‘Abd al-Rahman Al-Fatani (2004), *Al-Mawahib Al-Makiyyah Pada Bicara Tajwid Al-Adaniyyah*, C.1, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.

‘Abd Allah Muhammad Qasim Al-Sanquri (2004), *Mawrid Al-Zam’an Fi Ma Yata’allaqu Bi Tajwid Al-Qur’an*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.

Al-Marhum Hj Wan Saghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama’ Asia Tenggara*, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyyah.

Al-Marhum Hj Wan Saghir Abdullah (2001), *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama’ Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyyah.

Ahmad Fathi al-Fatani (2001), *Ulama’ Besar Dari Fatani*, Kuala Lumpur, Penerbit UKM.

Ismail Che Daud (1996 dan 2001), *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu 1*, Kota Bharu, Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Ismail Che Daud (2007), *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu 2*, Kota Bharu, Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Muhammad Nur Mufti Hj Ibrahim (2004), *Suluhan Darul Naim Bagi Penuntut Bacaan Nafi’ Bin Abi Na’im*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.

Tuan Guru Haji Nuh bin Jamaluddin al-Kelantani (1358H), *al-Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu’bah*, Mekah, Ma’ba’ah al-Majidiyyah..



Muhammad Saleh Zainal ‘Abidin Al-Fatani (1314H), *Tajwid Mafatih Huruf al-Quran*,  
Mekah, Ma’ba’ah al-Miriyyah al-Khainah..

Tuan Guru Haji Muhammad Saleh bin Muhammad Yusof Tok Kenali (1361H), *Al-Najm al-  
Tali’ Fi Qira’ah al-Nafi’*, Kelantan, Matba’ah al-Hikmah.

Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan  
Malaysia.